



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Great Eastern Takaful dan Kembara Amal Ventures Berkolaborasi Membantu Mangsa Banjir di Kelantan**

*500 mangsa banjir di Machang menerima bantuan segera*

**10 Disember 2024, Kelantan** – Great Eastern Takaful Berhad (GETB), dengan kerjasama Kembara Amal Ventures, telah menghulurkan bantuan segera melalui inisiatif Misi Kemanusiaan Mangsa Banjir, yang membantu seramai 500 mangsa banjir di sekitar Machang, Kelantan, yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini. Inisiatif ini adalah sejajar dengan misi GETB untuk menyokong dan membantu mereka yang memerlukan, memperlihatkan komitmen syarikat dalam memberikan impak positif kepada masyarakat yang kini menghadapi waktu sukar. Bekerjasama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kembara Amal Ventures, Great Eastern Takaful bermatlamat untuk menyediakan bantuan kemanusiaan berupa makanan asas kepada komuniti yang terjejas di samping menyampaikan perkongsian bermotivasi bagi menyuntik semangat mereka untuk kembali pulih.

Pengagihan barangan bantuan kemanusiaan itu diadakan di beberapa pusat pemindahan banjir di sekitar Machang, yang mana barangan keperluan makanan telah disumbangkan kepada mangsa banjir. Sumbangan berjumlah RM40,000 yang telah dihulurkan adalah termasuk barangan makanan dan minuman seperti air mineral, pek makanan sedia dimakan dan banyak lagi. Selain bekalan makanan, pasukan misi banjir juga turut menyediakan hidangan di lokasi tersebut, bagi memastikan mangsa banjir dapat menikmati hidangan berkhasiat ketika berhadapan dengan musibah ini. Bantuan kemanusiaan ini bertujuan untuk meringankan beban mereka yang terjejas dengan kadar segera, dengan harapan agar mereka kekal tabah dalam mengharungi detik-detik mencabar.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman menyatakan, "Great Eastern Takaful adalah organisasi yang bukan sekadar menyediakan perlindungan kesihatan dan kewangan, malah kami komited untuk berkhidmat demi kesejahteraan komuniti setempat. Memahami cabaran yang dihadapi oleh mangsa banjir, sekali lagi, kami terpanggil untuk memulakan misi ini dengan kerjasama Kembara Amal Ventures sebagai salah satu usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami melalui inisiatif GET-Care. Lebih-lebih lagi, peluang untuk kami memberikan bantuan kemanusiaan adalah amat istimewa, kerana kami sentiasa berusaha untuk memberikan harapan, sokongan serta meringankan beban supaya mereka lebih bersedia untuk mengharungi tempoh pasca banjir yang mendatang.

Pengasas dan Pakar Motivasi Kembara Amal Ventures, Dr Hj. Azuraida Shahadan menambah, "Kami bersyukur atas kerjasama erat pihak Great Eastern Takaful, yang

mbolehkan kami menyampaikan bantuan segera dengan lebih efektif kepada seramai 500 mangsa banjir. Matlamat kedua-kedua pihak untuk mengurangkan impak banjir dan memupuk daya tahan pada waktu mencabar memacu misi yang amat bermakna ini dan kami berharap agar inisiatif seperti ini akan memberi inspirasi kepada lebih banyak organisasi, baik pihak korporat mahupun swasta, untuk menghulurkan bantuan kepada masyarakat. Di samping itu, kami akan terus memantau beberapa kawasan lain yang terjejas dan meningkatkan usaha bagi memastikan lebih banyak bantuan daripada aspek fizikal mahupun kerohanian dapat disalurkan.

**-TAMAT-**

### **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateastertakaful.com](http://www.greateastertakaful.com)

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: [MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com)